



Selamat Datang  
Ke Laman Portal  
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI

Khamis, Disember 01, 2016

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

| A- | A | A+ | EN | RU | AR

## BERITA »

### UPM anjur program dedah pelajar mengenai budaya Myanmar



Oleh: Mohamad Hazrul Faiz Ahmad Sobridan dan Muhamad Amirudin Zainudin Amirudin

**SERDANG, 13 Nov** – Kelas Bahasa Myanmar, Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa (CALC) Universiti Putra Malaysia (UPM) mengadakan program Puppet Dance And Literature bagi mendedahkan pelajar terhadap budaya masyarakat Myanmar.

Pengarah program, Sarah Hashim @ Daw Thida Than berkata program itu adalah untuk menarik minat pelajar terhadap budaya masyarakat Myanmar di samping mendedahkan mereka dengan adat yang terdapat di Myanmar.

"Saya akan meneruskan program seperti ini pada masa hadapan bagi memupuk minat pelajar UPM mempelajari bahasa Myanmar di samping mengetahui budaya masyarakat Myanmar," katanya.

Turut hadir Pengarah Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi (CoSComm) UPM, Prof. Dr. Nor Kamariah Noordin; Chef Selebriti, Dato' Redzuwan Ismail dan Timbalan Pengarah CALC, Dr Wan Roselezzm Jaffar.

Antara acara yang dijalankan sepanjang program ialah persembahan daripada pelajar bahasa Jepun dan persembahan muzik oleh pelajar tempatan, manakala acara kemuncak ialah peragaan pakaian tradisional Myanmar dan tarian Puppet Dance.

Puppet Dance yang berlangsung pada malam itu adalah Boneka Myanmar dipanggil Yoke Thay (miniature) iaitu seni popular yang dikendalikan dengan menggunakan tali dan sering dimainkan dalam opera daripada Myanmar. - UPM

